

Warga emas hina Nabi kena penjara

B/HARIAN 28/2/19 MS 16

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]

Kuala Lumpur: Seorang lelaki warga emas yang didakwa memuat naik karikatur dipercayai Nabi Muhammad SAW dan isteri Baginda, Saidatina Aishah yang berunsur penghinaan terpaksa masuk penjara selepas tidak dapat membayar wang jaminan RM20,000 yang diperintahkan Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Terdahulu Wai Foo Sing, 68, mengaku tidak bersalah dan memohon dibicarakan sebagai pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa dalam bahasa Inggeris di hadapan Hakim, M Edwin Paramjothy.

Tertuduh yang hadir ke mahkamah seorang diri memakai kemeja-T kuning dan seluar hitam, dilihat tenang dan hanya mendiamkan diri sepanjang prosiding yang bermula jam 10.35 pagi.

Pada prosiding itu Timbalan Pendakwa Raya, Muhamad Asyraf Md Kamal tidak menawarkan sebarang jaminan, namun sekiranya mahkamah membenarkan ikat jamin pihaknya mencadangkan jumlah RM30,000 dengan seorang penjamin dengan alasan pertuduhan itu membabitkan kesalahan serius.

"Kes ini juga mendapat perhatian masyarakat awam, kadar jaminan yang rendah dibimbangi boleh menjejaskan pandangan masyarakat terha-

dap badan kehakiman, selain menjamin kehadiran tertuduh pada setiap perbicaraan.

Bagaimanapun, tertuduh yang tidak diwakili peguam dalam rayuannya memohon dikenakan ikat jamin rendah dengan alasan sudah berusia dan tiada pekerjaan.

"Anak lelaki saya akan datang untuk membayar jamin, namun saya tidak tahu berapa jumlah wang dibawa," katanya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 5 April ini untuk sebutan semula kes.

Muat naik karikatur

Berdasarkan kertas pertuduhan, Foo Sing didakwa menggunakan laman Facebook "Foo Sing Wai" memuat naik karikatur berunsur penghinaan, di mana tindakan itu berkemungkinan menyebabkan suasana tidak harmoni di antara kumpulan beragama Islam dan bukan Islam di seluruh negara, yang dibaca jam 12 tengah hari, pada 18 Februari lalu.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bukit Aman, Tingkat 27, Menara KPJ, di sini, jam 5 petang, pada 17 Februari lalu.



Foo Sing dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.

Lelaki itu didakwa mengikut Seksyen 298A(1)(a) Kanun Keseksaan, yang boleh dihukum penjara maksimum lima tahun, jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan kedua, Foo Sing didakwa menggunakan laman Facebook yang sama, membuat dan memulakan komunikasi jelik dengan niat menyakitkan hati orang lain, di tempat, masa dan tarikh sama.

Pendakwaan terhadapnya dibuat mengikut Seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), yang memperuntukkan huku-

man penjara maksimum setahun atau denda atau keduanya, jika sabit kesalahan.

Minggu lalu, media melaporkan, seorang lelaki yang menggunakan nama Facebook Foo Sin Wai ditahan kerana menghina Nabi Muhammad SAW menerusi Facebook dibebaskan dengan jaminan polis selepas tiga hari ditahan.

Lelaki itu, sebelum ini menyetuskan kemarahan umat Islam selepas memuat naik karikatur menghina perkahwinan Nabi Muhammad SAW dan isteri Baginda, Saidatina Aishah.